

## **ISLAM DALAM MENGHADAPI CABARAN BUDAYA GLOBAL DAN DUNIA MODEN**

### ***(ISLAM IN THE CHALLENGE OF THE GLOBAL CULTURAL AND MODERN WORLD)***

Mohamad Hambali Rashid<sup>1</sup>  
Dr Shukri Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

**Email:** mhambali.kl@utm.my

<sup>2</sup> Professor di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

**Email:** shuk494@uum.edu.my

**Accepted date:** 30 Oktober 2017

**Published date:** 10 June 2018

**To cite this document:** Rashid, M. H., & Ahmad, S. (2018). Islam Dalam Menghadapi Cabaran Budaya Global dan Dunia Moden. *Journal of Islamic, Social, economics and Development*. 3 (10), 1-11.

---

**Abstrak:** *Islam adalah agama rahmatan lil 'alamin. Ia berteraskan asas akhlak, kesatuan ummah, kedamaian dan progresif, Islam berkembang ke seluruh pelosok alam sehingga menjadi salah satu agama terbesar dunia. Kedudukan Islam yang merentasi pelbagai bangsa dan budaya menyebabkan ia menjadi agama yang sarat dengan nilai, menerima nilai tempatan sebagai sebahagian cara hidup selagi menepati akidah. Islam kemudian telah meresap ke dalam rupa budaya yang berbeza-beza, namun aspek kesatuan dan ketauhidan menjadi paksi penerimaan setiap budaya tempatan. Sejak awal perkembangan, masyarakat Islam berjaya mengungguli ketamadun dunia dalam pelbagai bidang kehidupan. Namun, ia beransur ansur mengalami kemerosotan apabila prinsip nilai tidak lagi diutamakan. ketidakstabilan politik dan cabaran sosial yang sangat serious dalam dunia masyarakat Islam menyebabkan umat islam mundur semula. Artikel ini berusaha mengupas dan menganalisis kepelbagaian perkara berkaitan Islam dan cabaran budaya melibatkan beberapa aspek seperti nilai, pemodenan, teknologi dan ilmu. Selain itu, kertas ini juga akan mengemukakan cara penyelesaian yang diharap dapat membantu mengatasi cabaran-cabaran umat ke arah kebangkitan semula mereka pada abad ke 21Masehi ini. Analisis kertas ini dilakukan dengan menggunakan analisis kandungan berdasarkan kupasan dan pendapat daripada para sarjana dan intelektual Islam dan bukan Islam.*

**Kata Kunci:** *Pemikiran Islam, Budaya Islam, Keilmuan Islam, Politik Islam*

---

**Abstract:** *Islam is the religion of rahmatan Lil Alamin. It's based on the principle of morality, the unity of the Ummah, peace and progress, Islam is spreading all over the globe to become one of the world's largest religions. The Islamic position that transcends the various races and cultures causes it to be a religion that is full of value, accepting local values to be a part of the way of life as long as it conforms to the creed of Islam. Islam, then has seeped into different forms of culture, but the aspect of unity and obedience becomes the axis of acceptance of every culture. Since the beginning of development, the Islamic community has succeeded in overcoming the world's civilization in various fields of life. However, it gradually develops a deterioration when the principle value is no longer prioritized. The political instability and social challenges that are very serious in the world of Islamic societies cause the Muslims to resign. This paper seeks to explore and analyze the diversity of Islamic-related issues and cultural challenges involving several aspects such as value, modernization, technology and knowledge. Additionally, this paper will also address the expected solutions that can help overcome the challenges of the people towards their revival in the 21st century. The analysis of this paper was carried out by using content analysis based on critics and opinions from Islamic and non-Muslim scholars and intellectuals.*

**Keywords:** *Islamic Thought, Islamic Culture, Islamic Knowledge, Islamic Politics*

---

## **Pendahuluan**

Islam adalah agama yang menerbitkan kerahmatan, kedamaian, keharmonian dan kemakmuran sejagat. Selaku umat Islam, kita percaya bahawa tanpa Islam maka tiadalah keharmonian dan kesinambungan manusia dalam dunia ini. Dalam kata lain, tanpa Islam musnahlah dunia. Ini kerana Islam adalah maksud utama kewujudan dunia dalam fungsinya untuk melakukan peribadatan terhadap Allah s.w.t. Jika sekiranya Islam tidak lagi wujud, maka maksud kewujudan manusia dan alam sudah tiada lagi. Betapa besarnya maksud kewujudan Islam membuktikan fungsi kandungan ajarannya juga adalah besar. Justeru, Islam muncul dengan ajarannya yang bertujuan memberikan kesinambungan kepada alam, isi kandungannya dan alam jagat.

Al-Quran adalah kitab suci yang kandungannya adalah panduan dan pedoman. Panduan ini bertujuan menggariskan cara manusia menuju kejayaan hidup dalam dunia dan akhirat. Kandungan al-Quran turut menjelaskan pelbagai golongan manusia dari sudut sejarah kemanusiaan yang boleh menyebabkan mereka berjaya dan gagal menurut perspektif al-Quran. Beberapa kaum mewakili kaum para nabi seperti kaum nabi Allah Nuh, Hud, Soleh, Ibrahim, Musa dan selain mereka diperincikan al-Quran bagi menggambarkan cabaran mereka dalam hidup dalam mencari kejayaan dan keselamatan yang hakiki.

Setelah berlalu zaman Rasulullah s.a.w. para sahabat baginda meneruskan agenda pembangunan umat Islam dalam acuan yang dibina Rasulullah s.a.w. Ketika pada satu sisi umat Islam begitu cemerlang dalam membangunkan tamadun dan ketamadunan Islam, namun pada sisi yang lain, muncul pelbagai cabaran yang mencemarkan pula perkembangan Islam itu sendiri. Pemikiran umat Islam ketika itu mula dikotori dengan aliran-aliran baru yang tersasar dari aliran massa umat Islam. Hal ini terjadi dalam suasana kemelut politik pemerintahan Islam berbaur dengan fitnah yang ditaburkan golongan yang menjadi musuh dalaman Islam. Misalnya, gerakan Khawarij dan Syiah Saba'iyah adalah di sebabkan kefanatikan politik yang dikembangkan dengan berbaur ajaran yang dinisbahkan benar atas

nama saranan agama. Walau bgaimanapun, keutuhan umat Islam dalam membina peradaban masih jauh terkedepan berbanding umat yang lain, meskipun beberapa aliran menyimpang wujud.

### ***Keilmuan dan ketamadunan ummah***

Islam diperkenalkan kepada manusia sejagat melalui ilmu pengetahuan dan ilmu dijadikan sebagai syarat dan matlamat mencapai keutuhan agama. Islam menyamakan usaha pencarian ilmu dengan ibadat dan amat menyanjung orang yang menumpukan diri mereka ke arah usaha penyemaian ilmu. Malah, Islam menganggap mereka sebagai orang yang mulia di sisi Allah serta meningkatkan taraf mereka lebih tinggi daripada orang-orang yang mati syahid. Namun, ilmu Islam bukan diperolehi daripada seorang mahaguru dalam gua, atau simbahan ilmu tanpa sengaja seperti kepercayaan pengikut golongan mistik. Demikian juga, ilmu Islam tidak diperoleh melalui suatu iluminasi secara perbuatan tafakur. Sebaliknya, pengetahuan Islam adalah melalui pemahaman rasional empirikal dan intuitif menyentuh tentang realiti kekuasaan. Menyedari hakikat ini, umat Islam bergerak ke hadapan, mengembangkan bidang ilmu tanpa sempadan dengan menggabungkan ilmu teori dan praktis.

Sejak itu, umat Islam telah menjadi penyumbang utama kepada ketamadunan dan perkembangan teknologi. Perkembangan itu dilakarkan dengan bukti luar biasa mengenai ilmu sains dan perubatan. Misalnya, pada zaman Khalifah al-Muqtadir (319H/931M) di Baghdad sahaja terdapat 869 ahli perubatan yang pakar dan berkelayakan. Malah, ilmu sains perubatan, melahirkan bidang-bidang yang lain seperti ilmu botani, ilmu kimia, fisiologi, matematik, astronomi dan seni bina. Kedudukan ilmu ini kuasa politik bagaimanapun mula membeku apabila sikap meneroka, mencari ilmu dan menumpukan kepada intergratif ilmu dipinggirkan akhirnya telah mematikan langkah mencipta kemajuan. Bidang sains dan teknologi hanya bergantung pada hasil-hasil lampau. Akibatnya, pemindahan ilmu berlaku secara berperingkat-peringkat dari dunia Islam ke dunia barat. Kemelut politik mewarnai dunia Islam sehingga usaha pembinaan ilmu sains dan teknologi terhenti. Graham Fuller membuat komentar beliau sebagai berikut;

*The death of Islamic intellectual vigor and curiosity-an exhaustion of civilization elan without dramatic new intellectual input- led to the decline of creative thinking in Islamic theology, philosophy, science, and technology. Ritual and narrow legalism came to triumph over thought and inquiry in what passed for the study of Islam” (Fuller, 2010, 280)*

Sejak itu, umat Islam berubah kedudukan daripada pencipta sains dan teknologi kepada pengguna sains dan teknologi. Kini, penguasaan ilmu pengetahuan sains dan teknologi, dari umat Islam berpindah ke dunia Barat dan jauh ketinggalan sehingga tiada nampak upaya untuk dapat kembali bersaing dengan bukan Islam.

Kelemahan ini bukan sahaja berlaku dalam bidang sains dan teknologi malah kini menular dalam bidang ilmu keagamaan. Kebekuan pemikiran mula terasa apabila umat Islam hanya mahu bergantung dengan hasil penulisan dan fatwa ulama silam. Paling menyedihkan apabila umat Islam terjebak dalam krisis dan konflik saling menyalahkan. Isu pegangan perbezaan aliran dianggap isu utama lalu mengheret umat Islam berbalah sesama mereka. Hal ini, berlarutan hingga kini. Umpamanya, isu antara pegangan salaf dan khalaf yang telah mengheret umat kepada saling menyalahkan bahkan ada yang sampai menyesatkan kumpulan yang lain

(al-Qardhawi, 1995) Keintelektualan mula dipandang dari sudut mengheret konflik antara benar dan salah dalam kalangan pihak yang berbeza aliran. Kebebalaan intelektual ini berterusan sehingga sangat sukar menemukan usaha tajdid dilakukan dalam membangun minda umat yang ada jati diri.

Keilmuan yang tidak difahami secara komprehensif, seimbang dan bersifat semasa, mengakibatkan terjadinya kebekuan intelektual umat Islam. Hal ini diparahkan lagi dengan acuan Barat yang membawa masuk budaya dan sistem hidup mereka Kamal Hassan menyatakan;

Konsep-konsep kebudayaan sekular dan kebendaan memasuki pemikiran umat Islam menerusi buku-buku teks, sastera, drama, filem, radio dan rancangan televisyen, kegiatan sekolah missionary, propaganda parti-parti politik dan penyebaran idea-idea seperti kapitalisme, sosialisme dan komunisme (Mohd Kamal Hassan, 1988: 18)

Penggunaan teknologi Barat meyebabkan usaha membentuk kembali identiti Islam menempuh jalan yang berliku dan sukar. Malah, ia disukarkan lagi apabila umat Islam selesai sebagai pengguna dan peniru budaya Barat. Mereka seolah-olah mengakui secara tanpa sedar, bahawa kerangka pemikiran Barat adalah satu-satunya kerangka kemajuan budaya dan ilmu. Akibatnya, semua tenaga dan pemikiran umat Islam dihalakan kepada memenuhi kerangka ini dalam segenap lapangan kehidupan. Keintelektualan yang sewajarnya didasarkan kepada membina kekuatan al-Din telah dihilangkan dan dikesampingkan. Akibatnya ialah intelektual Islam masih dalam kerangka acuan Barat, di mana keilmuan dan keintelektualan di bina tanpa roh atau tenaga dalam Islam.

Bertentangan dengan keadaan itu pula, terdapat sejumlah umat Islam yang seolah-olah tersentak dan mahu kembali kepada ruh dan identiti Islam. Mereka mula melakukan usaha membina benteng agama melalui sistem madrasah, tahfiz dan meremajakan sistem pendidikan tradisional. Usaha ini pada satu sisi sangat murni, namun demikian kebimbangan masih tidak dapat dilepaskan apabila kerangka ilmu masih dalam lingkungan pengajian kitab-kitab agama klasik, tanpa usaha membuktikan keupayaan untuk mampu bersaing dengan pihak luar lingkungan, sehingga aspek kualiti dalam pembelajaran dan metodologi ilmu masih jauh ketinggalan. Harapan terhadap mereka sebagai pemangkin umat Islam bagi penyelesaian masalah ummah, dalam segala aspek masih jauh terkebelakang. Jurang perbezaan yang luas masih berlaku antara sistem pendidikan ini dengan pendidikan moden dalam aspek metodologi, kualiti, persaingan, teknologi dan penguasaan budaya setempat masih berlaku.

### ***Isu-isu sosial dan impak terhadap ummah***

Harus diakui, Islam adalah agama yang sangat memandang berat terhadap sebarang perubahan sosial. Islam adalah agama yang mengutamakan kualiti sosial sesuai dengan ajarannya bahawa manusia adalah khalifah dan pemegang amanah Tuhan. Hakikatnya, penguasaan Barat tanpa diragui telah memberikan impak sosial yang besar. Keadaan ini seolah-olah membarah sehingga sukar ditangani meskipun diusahakan dengan pelbagai saranan. Respons kepada situasi itu, terdapat kalangan umat Islam yang mendesak agar suatu perubahan total mesti dilakukan bagi membuang semua pengaruh Barat. Sementara golongan umat Islam yang lain pula masih mengakui bahawa pemikiran Barat adalah juga acuan Islam dan mereka cuba menyesuaikan kandungan pemikiran Barat dengan Islam sehingga menamakan segala usaha

pembaratan itu sememangnya masih sejajar dengan Islam. Manakala golongan ketiga berusaha menyesuaikan sebahagian elemen Barat dengan Islam dan sebahagian lagi dikritik kerana dianggap bertentangan dengan ajaran ini. Dapat ditegaskan, tanggapan sosial ini telah mencelarukan pemikiran umat Islam (Mohd Kamal Hassan, 1988).

Impak ketara juga terjadi dalam sudut sosial Islam apabila wujud golongan menganggap agama adalah halangan kemajuan. Bertitik tolak dari sinilah peminggiran segala unsur merujuk identiti agama dilakukan. Sistem hidup yang diiktiraf mereka adalah sistem hidup dan budaya Barat. Semua gejala sosial dan masalah moral yang ditafsirkan sebagai melanggar hukum agama telah sebaliknya diterima oleh golongan ini tanpa rasa bersalah. Pertembungan antara golongan yang ingin memelihara nilai Islam dan golongan yang menerima budaya Barat terus sahaja berlaku. Cabaran budaya yang muncul melalui internet mengakibatkan kerosakan nilai dalam kalangan generasi muda Islam semakin membarah. *Internetphilia* seolah-olah suatu gelombang raksasa yang menguasai seluruh dunia termasuk umat Islam dengan segala macam senjata pemusnah. Kerosakan nilai dan budaya Islam sangat besar. Kekuatan dalaman Islam terus tercabar dan memerlukan kesungguhan luar biasa untuk kembali utuh dan ditegaskan dalam kalangan umat Islam sendiri.

### ***Mendepani cabaran budaya politik***

Cabaran budaya politik adalah suatu cabaran pengurusan hidup yang paling kritikal dalam dunia Islam. Kerangka fikir yang telah lebur dalam minda umat Islam sejak sekian lama sangat sukar untuk dibentuk semula secara bersama. Misalnya, kerangka fikir yang berteraskan elemen ketauhidan yang paksinya ialah kesaksian di atas keesaan Allah dan kesaksian Saiyyiduna Mahammad sebagai rasulullah sering kali di salah tafsirkan. Padahal kerangka fikir ini diasaskan Rasulullah dengan menerima keislaman seseorang atas nama shadah itu dan seharusnya tiada pertikaian mudah dilakukan pada keimanan masing-masing. Demikian juga kerangka fikir wasatiyyah iaitu kesederhanaan antara keras dan lembut "ifrath dan tafrith" dalam setiap pemikiran dan tindakan politik untuk diterjemah dalam minda politik umat Islam. Kesederhanaan dan prinsip ketauhidan yang berpaksikan shadah adalah suatu kerangka yang sebenarnya akan boleh mendidik pemikiran politik umat untuk bersikap terbuka dan sanggup menerima perbezaan pendekatan.

### ***Cabaran- cabaran yang mendepani Muslim masa kini***

Berbicara mengenai cabaran-cabaran yang mendepani umat Islam, adalah suatu kemestian untuk diimbangi terlebih dahulu faktor-faktor yang mendorong kewujudan krisis kepada umat ini. Setelah berbicara mengenai krisis ini, dikira dapatlah di rungkai cabaran-cabaran semasa yang menjadi hambatan kepada umat Islam dan apakah tindakan sewajarnya diambil oleh umat Islam dalam usaha mendepani suasana ini. Pada penulis, faktor yang wajar dibincangkan di awal bicara ini ialah cabaran politik dan kedudukan kuasa politik. Meskipun tidak dinafikan banyak faktor lain yang menjadi hambatan umat Islam sejak sekian lama, namun dua faktor ini wajar dibincangkan terlebih dahulu dan sudah cukup merangkumi faktor-faktor yang lain.

### ***Cabaran politik***

Kuasa politik adalah sangat penting untuk mengukuhkan ideologi atau pegangan bagi sesebuah bangsa mahupun fahaman ideologi. Oleh kerana itu, apabila kuasa politik lemah, sebarang pegangan, kedudukan dan budaya juga dikuasai oleh pihak berkuasa politik yang kuat. Sejarah

menyingkap kuasa politik Islam yang menjadi kuat bermula tertubuhnya sistem pemerintahan Islam Madinah dan berkembang kepada sistem khilafah Umayyah, Abbasiyah dan beberapa kerajaan Islam lain di dua pertiga dunia. Namun, menjelang hilangnya kuasa politik Islam dengan kelemahan pengurusan dan kepimpinan kerajaan Khilafah Uthmaniah, kuasa politik Islam merosot dan hilang dari tangan umat Islam. Ia menjadi titik tolak kepada kebingungan umat Islam untuk dipayungi oleh kuasa politik ini sehingga akhirnya mengakibatkan terjadi pelbagai krisis dan kebingungan identiti diri umat yang terus menerus membarah.

Kesan awal kelemahan kuasa politik ini ialah dengan robohnya sistem pemerintahan khilafah Utmaniyah, jatuh di bawah cengkaman pengaruh ideologi Barat yang berteraskan ideologi sekular, diketuai Mustafa Kamal Artarturk di Turki. Sejak itu, seluruh negara-negara Islam yang bernaung di bawah Khilafah Uthmaniyah membebaskan diri masing-masing. Malah, wilayah yang penduduknya sebahagian mereka bukan beragama Islam yang pada asalnya di bawah naungan Khilafah uthmaniyah turut membebaskan diri dari naungan. Pemberontakan untuk pembebasan oleh wilayah-wilayah seperti Montenegro, Bosnia, Balkan, Prins Milaan, Serbia, Herzegovina dan di tempat-tempat lain menciptakan sejarah buruk kepada politik Islam apabila sejak itu tiada lagi kuasa besar yang menjadi payung bagi membenteng keutuhan dan kemurnian Islam itu sendiri. Dekmejian mengakui dengan katanya,

*This decline of Islamic power (the decline of Ottoman) gave erise of ethnic nationalist movement emerged in the 1950s as a reaction to both the establishment of Israel Aglo-French-American hegemony over the region (Dekmejian, 1997: 1)*

Akibat keruntuhan payung kekuatan umat Islam, terpecahnya negara-negara menjadi negara berideologi kebangsaan, sekular atau sosialis. Sejak itu, dunia Islam khususnya negara Arab terus menerus berdepan dengan krisis politik yang cukup parah. Umat Islam semakin bertambah tertekan apabila Barat mula menguasai bidang ekonomi, pertahanan dan teknologi dengan cemerlang sekali, dan dengan itu membolehkan mereka membina kemajuan dalam pelbagai bidang, akhirnya dengan mudah negara-negara Islam dapat mereka takluki secara fizikal dan pemikiran. Akibat penaklukan dan penguasaan ini, umat Islam dilanda kebingungan identiti diri dan beragama. Kebingungan identiti diri bersifat keagamaan ini mencetuskan kekalutan yang mencemaskan dalam kalangan umat Islam sendiri. Bermulalah fasa dualisme pemikiran, kemudian terpecah pula kepada pelbagai aliran dan pendekatan yang seolah-olah tiada noktah penghujungnya. Dekmejian (1995) menyebutkan kesan kebingungan umat Islam akibat tragedi di atas ialah berlakunya enam krisis besar iaitu 1) krisis identiti; 2) krisis legitimasi; 3) penyalahgunaan kuasa golongan elit; 4) konflik antara kelas ekonomi dan sosial ; 5) kelemahan ketenteraan; dan 6) krisis budaya.

Sejak kejatuhan kerajaan Islam Uthmaniyah, kiblat umat Islam dalam aspek ekonomi, sistem sosial dan pemerintahan ialah Barat. Ketakjuban masyarakat Islam terhadap Barat yang dapat membangunkan negara mereka menjadi maju menyebabkan kepercayaan Islam cuba disesuaikan dengan ideologi baru ini. Rombakan secara total dilakukan oleh hampir semua negara Islam dalam hampir semua sistem kehidupan. Sistem ekonomi, bertukar daripada sistem ekonomi Islam kepada sistem ekonomi kapitalis dan sosialis. Sistem pentadbiran dan pemerintahan juga tidak lagi berpandukan agama Islam sebaliknya serupa dengan sistem pemerintahan sekular Barat. Pendek kata, apa yang ada di Barat akan juga terdapat di negara-negara Islam. Hal keadaan ini menimbulkan salah sangka dalam kalangan sebahagian umat Islam sendiri yang seolah-olah sangat yakin sistem Barat itu adalah sistem Islam. Pengakuan sebahagian umat Islam ini sebaliknya menghasilkan penentangan bagi kelompok yang rasa

terhina dengan penguasaan penjajah Barat dan sering mengimpikan sistem Islam yang gemilang dahulu diterjemahkan dalam dunia Islam itu sendiri. Di sinilah muncul cabaran-cabaran menangani kepelbagaian pemikiran yang tercetus dalam kalangan umat Islam. Fahaman yang dinisbahkan atas nama Islam dan liberalisme, Islam dan Sekularisme, Islam dan Ortodoks, Islam dan pegangan pemurnian melingkungi umat Islam saban masa akibat respons terhadap kemasukan aliran fikir Barat ini.

Menarik juga jika diperhatikan spektrum yang dikategorikan Dekmejian (1997) mengenai kepelbagaian aliran pemikiran dalam kalangan umat Islam. Beliau mengkategorikan pemikiran umat Islam kepada aliran berikut; 1) Islamic Sekularism, 2) Islamic Popularism; 3) Islamic Philanthropism (kedermawanan); 4) Islamic Spiritualism; 5) Political Islamism; 6) Official Islam; 7) cabang utama Islam seperti Sunni, Zaidiyyah, Ithna ‘ashari. Lapangan politik ini telah menarik pelbagai aliran ke arah krisis dan pergeseran secara berterusan. Dekmejian telah mengkategorikan spektrum ini di Timur Tengah kepada beberapa kumpulan iaitu; 1) salafiyyah; melibatkan Wahhabi (ahl al-Hadis), salafiyyun dan Ansar al-Sunah. 2) Aliran utama gradualis; melibatkan Ikhwan al-Muslimin, Islah al-Ijtima’, harakat al-Nahda Jamaat al-Islamiyyah. 3) gerakan revolusi; melibatkan kumpulan takfir wal-Hijra, al-Ihkwan. 4) Revolulusi jihadis; tahzim al-Jihad, Hizbu al-Tahrir, Jabha al-Qawmiyyah lil Inqaz. 5) Reformis Revisionis dan 6) modernis resionalis; melibatkan kumpulan pemikir, individu dan kumpulan NGO.

Meneliti kepada aliran pemikiran Islam Timur Tengah di atas, dapat disimpulkan bahawa kepelbagaian ini sering menimbulkan konflik berbanding saling bergandingan dan berlolak ansur. Kemunculan gerakan politik baru bernama The Islamic State of Iraq and the Levant (ISIL) atau the Islamic State (ISIS) yang dalam bahasa Arab dinamakan sebagai *الدولة الإسلامية (في العراق والشام)*, yang menekankan gerakan keras di Timur Tengah memberi imej lebih buruk kepada Islam terutama perspektif Barat yang menganggap ia cerminan Islam sebenar.

### ***Cabaran kuasa politik neo-imperialism dalam dunia islam moden***

Bentuk imperialisma baru dunia telah diperkenalkan oleh kuasa-kuasa Barat terutama di Timur Tengah. Ia bermula dengan pilihan Barat terhadap pemimpin-pemimpin yang bakal memerintah negara Islam. Negara-negara Islam seperti Mesir, Algeria, Libya, Tunisia, Jordan, Syria, Iraq dan Yaman harus mengikut agenda imperial Barat. Sejak itu, pemimpin dunia Islam mesti terikat dengan percaturan kuasa Barat. Graham F. Fuller menjelaskan;

*Neo-imperialism remains strong in the Muslim World for two reasons; because so much of the Muslim world possesses huge geostrategic importance due to energy sources and transportation routes, and precisely because it remains the last area where weak and pliable authoritarianism in the rule. (Fuller, G, 2010, 289)*

Mekanisma baru negara-negara Barat menguasai negara Islam adalah melalui pelbagai cara seperti bantuan pinjaman, subsidi, bantuan ketenteraan, sokongan diplomatik, penempatan ketenteraan, campur tangan politik, tekanan polisi dalaman, sikap membisu dalam isu hak kebebasan bersuara menjadikan negara yang mengikut cara Barat akan mampu bertahan dan sistem demokrasi ala Barat.

Harus diakui bahawa gelombang demokrasi telah memenuhi hampir sebahagian besar negara-negara maju di dunia kini. Negara di dunia dianggarkan berjumlah 196 buah dan sejumlah 133 daripadanya adalah mengakui mengamalkan sistem demokrasi. Mungkin ramai bertanya, kenapa jumlah negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi bertambah? Antara faktornya ialah desakan ekonomi global dan faktor budaya. Kedua-dua faktor ini akhirnya mendorong rakyat di negara-negara bukan demokrasi bertindak memaksa negara mereka agar menggunakan corak kerajaan demokrasi. Bagaimana menamakan sebuah negara itu sebagai negara yang mengamalkan demokrasi? Ringen (2007: 22) menyebutkan negara demokrasi sebagai berikut “a country is democratic if its political regime is run democratically, and that is the case if it works on the basis of free and fair elections”. Asas utama demokrasi ialah amalan pilihan raya. Menerusi cara pilihan raya rakyat dianggap boleh menterjemahkan hasrat dan kehendak mereka untuk dijadikan polisi bagi kerajaan. Weale (1999) pula menjelaskan konsep demokrasi adalah bertujuan untuk menghuraikan secara spesifik, set institusi yang mengandungi pendapat awam untuk dipindahkan kepada bentuk polisi awam. Ternyata, demokrasi menghimpunkan pendapat majoriti rakyat untuk diterjemahkan kepada peraturan dan polisi kerajaan. Demokrasi pada konsepnya adalah baik. Ia mendekati konsep syura dalam ajaran Islam. Walau bagaimanapun, neo-imperialism menjadikan demokrasi sebagai alat pengikat bagi menghalalkan tindakan mereka menguasai negara-negara Islam melalui pemimpin-pemimpin yang menjadi boneka mereka.

### ***Demokrasi dan nilai budaya baru masyarakat Islam***

Matlamat kewujudan idealisme sistem demokrasi bukanlah semestinya buruk meskipun jika dinilai dari kaca mata Islam. Malah, demokrasi boleh dianggap sebagai suatu sistem yang jauh lebih baik daripada sistem teokrasi. Ini kerana demokrasi dianggap dapat mewujudkan sebuah pemerintahan berdasarkan nilai-nilai sejagat dan dapat dibantu oleh kebijaksanaan rakyat yang berada dalam lingkungan masyarakat itu sendiri. Demokrasi pada dasarnya bersifat menerima nilai yang baik dan menolak nilai yang buruk.

Namun, kita harus akui bahawa masih banyak kelemahan-kelemahan tertentu dalam sistem ini. Misalnya, aspek eksploitasi oleh pihak yang mempunyai kekuasaan, kekayaan, pengaruh sistem maklumat dan kelemahan dasar kebebasan yang diamalkan melalui sistem ini sendiri yang boleh mengancam kestabilan politik dan ekonomi negara tersebut. Berikut adalah perkara-perkara yang boleh dibincangkan dalam cabaran kuasa politik dalam amalan demokrasi ini.

### ***Niat dan kejujuran dalam amalan demokrasi Barat***

Niat adalah nilai paling utama dalam Islam. Dalam pandangan Islam, niat adalah pengikat sesuatu amalan dan penentu sesuatu ganjaran. Sistem demokrasi Barat memberi banyak ruang kepada semua pihak untuk saling menguasai hati pengundi demi kepentingan politik masing-masing. Nilai kejujuran dalam memperjuangkan kepentingan negara ada kalanya dikorbankan masing-masing pihak. Kepatuhan yang dituntut agar diberikan kepada kerajaan yang sah bagi maksud kebaikan negara sering kali terkorban akibat persaingan mendapatkan pengaruh. Demikian juga, sesebuah pemerintahan yang wujud melalui sistem demokrasi sering kali terjadi kerana eksploitasi politik dan rasuah politik. Inilah masalah utama dalam amalan demokrasi akibat kepentingan masing-masing untuk menguasai pengaruh.



### ***Kebebasan dalam amalan demokrasi***

Kebebasan adalah satu prinsip dalam amalan demokrasi. Misalnya, amalan biasa demokrasi ialah kebebasan berhimpun dan berpersatuan, bebas dalam berdebat dalam hal ehwal melibatkan kepentingan rakyat dan membuat kritikan terhadap kerajaan yang memerintah dan bebas daripada tahanan dan pemenjaraan sewenang-wenang. Selain itu, kebebasan dalam amalan demokrasi juga melibatkan soal kebebasan beragama, kebebasan bersuara, kebebasan berucap dalam aspek bukan politik. Malah ada juga yang memasukkan kebebasan dalam persoalan amalan seks (Weale, 1999). Inilah fahaman demokrasi Barat yang diamalkan mereka sekarang.

Meskipun, asal semangat demokrasi ialah mewujudkan kebebasan yang diperjuangkan bertujuan untuk mencapai semangat kesopanan atau 'a spirit of modesty'. Malangnya, nilai kebebasan tersebut telah musnah, sebaliknya ia menjadi suatu perjuangan ahli politik untuk memenuhi kepentingan golongan, pihak atau parti masing-masing. Kebebasan bersuara pula disalah guna bagi boleh membawa maksud dan tujuan perjuangan masing-masing. Hal ini pernah disifatkan Ringen sebagai berikut

*'a freedom capable of promoting itself in a style, assertiveness, and loudness of voice that can border on aggressiveness. It has become a voice with a potential of righteousness that is potentially dangerous to the cause of freedom' . (Ringen, 2007: 215)*

Cabaran besar untuk menterjemahkan kuasa politik dalam amalan demokrasi ialah bagi memadankan hak kebebasan bersuara dan sikap agresif dengan kesanggupan untuk patuh terhadap keputusan bersama.

### ***Kedudukan teknologi dan komunikasi dalam amalan demokrasi***

Hari ini, media sosial menjadi medan utama mendapatkan dan menyampaikan pelbagai maklumat. Pelbagai bentuk media sosial begitu besar pengaruhnya dan terus berkembang. Tweepers, Facebook, Blogs, WhatsApp dan pelbagai jenis lagi *search engine* dan laman web yang berfungsi dalam membawa pelbagai maklumat berkembang pesat. Produk teknologi maklumat ibarat senjata di tangan manusia, bagi kata-kata bijaksana 'senjata tidak membunuh manusia, tetapi manusia boleh lakukan'. Dalam kata lain, peralatan tidak boleh melakukannya, tetapi penggunaannya akan melakukannya. Teknologi sepatutnya menjadi "value-laden" bukan value-neutral" (Plaisance, 2014). Sepatutnya teknologi harus sarat dengan nilai, bukan yang wujud tanpa nilai. Produk teknologi boleh menjadi berguna jika ia dapat mempertahankan dan meneruskan nilai budaya dan kehidupan beretika. Namun, hakikatnya, teknologi dalam amalan demokrasi kita seolah-olah melemparkan nilai, etika dan budaya murni agama. Serangan dan penyebaran maklumat yang tidak benar berlaku secara berleluasa dan menjadi kebiasaan. Kedudukan kuasa politik terhadap sesebuah pemerintahan digugat dengan cara ini. Cabaran besar kini ialah untuk mengikat adab, etika dan moral dengan penggunaan teknologi.

### ***Ke arah menghadapi cabaran membentuk budaya baru umat Islam.***

Malik ben Nabi (1994) menyebutkan tiga faktor utama yang menjayakan semua agenda besar membina tamadun bangsa. Pertama ialah, faktor manusia, kedua, faktor sumber asli dan ketiga, faktor masa. Faktor manusia adalah paling utama. Membina manusia yang mempunyai fikiran

luas, kompetitif, berdaya saing, berakhlak dan bermoral dengan pegangan agama yang kukuh merupakan cabaran paling besar dalam kalangan umat Islam. Dengan ciri-ciri manusia yang berdaya saing dan intelek, mereka akan mampu mengeksploitasi sumber asli negara masing-masing dengan baik. Keupayaan untuk bersaing akan menyebabkan mereka boleh pula secara bijak memanfaatkan masa.

Pemimpin pula merupakan faktor utama dari aspek manusiawi. Mereka mestilah menjadikan diri sebagai teladan dan dapat diteladani orang lain. Dari sini akan terbina kesetiaan rakyat. Kemusnahan bermula apabila berlaku korupsi kepimpinan, diikuti pula hilang kesetiaan dari rakyat. Dapat ditegaskan bahawa ajaran Islam berada di antara amanah kalangan pemimpin dan kesetiaan kalangan rakyat. Pastinya di dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi, kebersamaan dalam melaksanakan agenda negara dalam kalangan rakyat amat diperlukan. Pemimpin politik yang amanah membolehkan *maqasid syariah* diterjemahkan dengan baik. Kesetiaan rakyat pula membolehkan semua agenda kepimpinan dapat berjalan dengan baik dan sempurna.

Konsep dan semangat saling bantu membantu sesama Muslim adalah perlu sekali. Pemimpin membantu rakyat, rakyat membantu pemimpin. Hak keadilan dan kebebasan yang dipraktikkan agama melalui saranan al-Quran dan al-Sunnah merupakan kunci utama semua pihak bersikap saling bantu membantu. Saling membantu dalam perkara kebajikan adalah juga kunci dalam keutuhan kuasa politik Islam. Menghakis sifat perkumpulan, perkauman dan kepartian juga adalah nilai intrinsik untuk mengekalkan kuasa politik Islam. Kerajaan adalah kepunyaan semua, ia adalah kemegahan seluruh masyarakat Islam. Mereka harus memulakan langkah untuk saling cinta mencintai, menjaga kehormatan dan bersatu dalam konteks menjaga kepentingan negara secara bersama.

### ***Menghadapi cabaran salah faham terhadap dunia islam***

Kini, Islam dianggap Barat sebagai menyokong ekstremis dan penganas. Masyarakat Barat misalnya mengambil contoh dan angka yang dikutip mengenai kemusnahan di Timur Tengah untuk mengukuhkan dakwaan mereka ini. Timur Tengah dianggap sebagai pusat gerakan penganas berdasarkan kemusnahan yang besar berbanding di daerah lain. Umpamanya, dikatakan 553 orang terbunuh disebabkan perlakuan penganas pada tahun 1996-1997 di mana 43% adalah di Timur Tengah. Kesimpulan yang dibuat ialah Muslim adalah punca masalah dunia disebabkan ajaran mereka. Washington Post/ABC News poll tahun 2006 menjelaskan “menemui hampir separuh orang Amerika -46%- mempunyai pandangan negatif terhadap Islam, 7 % lebih tinggi selepas beberapa bulan terjadinya peristiwa 11 September 2001 (Esposito, 2010).

Hakikatnya, golongan penganas berada dalam semua masyarakat manusia. Kemunculan penganas dalam masyarakat Islam adalah sebahagian kecil daripada sejumlah penganas di dalam masyarakat dunia. Kewujudan mereka ini adalah kerana wujud pertembungan politik dalaman dan luaran yang menyebabkan pentafsiran mengenai penentangan melawan musuh menggunakan kaedah agama kerana agama adalah suatu yang kudus. Apabila Barat mengambil tindakan terhadap golongan ini, wujudlah penentangan balas terhadap Barat. Akhirnya, masyarakat Barat terjebak dalam persepsi salah bahawa umat Islam adalah pendukung golongan pendukung dan menyokong penganas. Islam dan Muslim kemudian dikatakan membenci bukan Islam, menganjurkan jihad peperangan, suka membanteras bukan Islam, tiada berpengetahuan dan suka mengamalkan kekasaran dan keganasan.

## Kesimpulan

Umat Islam sudah sekian lama terjebak dalam pelbagai krisis dan kebingungan identiti diri. Hingga kini, keadaan tersebut masih belum damai malah dalam situasi ini, nampaknya semua gejala buruk di atas masih terjadi. Konflik pemikiran sesama umat Islam mengenai aspek politik dan agama masih membelenggu umat Islam sehingga terus menjadikan mereka sering bergaduh dan bertelagah. Kuasa politik Islam masih bergelut dengan perangi rasuah dan integriti. Hal ini wajar direnungi secara mendalam oleh semua pihak berwenang.

Selain itu, budaya ilmu yang bersifat seimbang, teoretikal dan praktis adalah suatu wahana untuk membentuk pemikiran umat Islam moden yang cemerlang. Justeru, keilmuan Islam mestilah menggabungkan semua acuan bersifat nilai, adab dan panduan kerohanian dengan keupayaan ilmu empirikal yang boleh membawa kebaikan semula kepada umat ini. Nilai-nilai murni dan budaya Islam mesti dikembangkan secara ilmiah dan seimbang. Tidak wajar dipinggirkan jika tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip asas agama. Hanya dengan menggabungkan antara nilai budaya dan ruh agama dengan kebijaksanaan mengurus secara moden dan semasa sahaja akan boleh membawa perubahan dalam minda umat dan masa depan umat Islam, insya Allah.

## Rujukan

- Al-Qardhawi, Yusuf. (2005). *Fusul fi aqidah baina al-salaf wa al-khalaf*, Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Salaby, Ali Muhammad. (1999). *Al-Wasatiyyah fi al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Darni M. Daud, "Pendidikan yang Berakar Syari`at", dalam Safwan Idris, et.al. 2000, *Syari`at di wilayah syari`at*, Banda Aceh, Dinas Syari`at Islam Provisi Nanggroe Aceh Darussalam
- Dekmejian, R. Hrair. (1995) *Islam in revolution*, 2nd edn. Syracuse: Syracuse University Press.
- Dekmejian, R. Hrair. (1997). Multiple Faces of Islam. Dalam *Islam in a changing world: Europe and Middle East* (Edited by A. Jerichow and J. Baek Simonsen). London and New York: Routledge Curzon.
- Esposito, John L. (2010). *The future of Islam*. Oxford: Universiti Press.
- Fuller, Graham, G (2010) *A World without Islam*. New York: Back Bay Books.
- Gregory H. Franco dan Scott L. Cervantes (editors) (2009). *Islam in the 21st century*. New York: Nova Science Publishers.
- Malik Bennabi, (1994) *The problem of ideas in the muslim world*. Petaling Jaya, Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Mohd Kamal Hassan. (1988). *Pendidikan dan pembangunan, satu perspektif bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mustafa, D. (2005). *The terrible geographicalness of terrorism: reflections of a hazards photographer*. Editorial Board of Antipode, 72-92.
- Morrison, Bruce (2003) *Transnational democracy in contaxt and in question*, (edited by Morrison), University of Western Ontario: Canada.
- Plaisance, Patrick Lee (2014). *Media ethics* (2nd Edition), SAGE Publications Ltd: London.
- Ringen, Stein (2007). *What democracy is for on freedom and government*, Princeton University Press: Oxford
- Weale, Albert (1999) *Democracy*, MacMillan: London
- Yusuf al-Qaradawi (2010). *Fiqh al-wasatiyyah wa-al-tajdid*, Madinah Nasr: Dar al-Shuruq.